

Tiga termasuk Tun M mohon batal saman Halim Saad

Kuala Lumpur: Tiga pihak termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memohon membatalkan saman dikesekutikan ahli perniagaan, Tan Sri Halim Saad, atas alasan remeh, menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

Saman itu difailkan Halim yang juga bekas Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Renong terhadap Dr Mahathir; bekas Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan kerajaan pada 2 Ogos lalu.

Ia berhubung dakwaan ahli perniagaan terbabit mengalami ke-

rugian selepas diarahkan kerajaan menjual saham miliknya dalam Renong Bhd, 23 tahun lalu.

Ketiga-tiga pihak itu selaku defendan memohon perintah supaya writ dan pernyataan tuntutan Halim sebagai plaintif dibatalkan dengan kos mengikut Aturan 18 Kaedah 19(1)(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

“Secara alternatifnya, tuntutan plaintif dibatalkan di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah.

“Semua prosiding terhadap semua defendan digantung hingga keputusan muktamad permoho-

nan dan kosnya ditanggung sepenuhnya oleh plaintif.

“Apa-apa relif atau perintah lain difikirkan manfaat oleh mahkamah,” kata semua defendan menerusi notis permohonan difailkan Peguam Kanan Persekutuan yang mewakili mereka di Mahkamah Tinggi pada Khamis lalu.

Halim menerusi saman itu dilaporkan berkata, tuntutan berdasarkan pelanggaran haknya oleh Kerajaan Malaysia ketika diarahkan Dr Mahathir dan Nor Mohamed untuk tidak meneruskan pemerolehan 32.69 peratus dalam

Renong Berhad daripada United Engineers Malaysia Berhad (UEM).

Ia menurut Opsyen Jual yang dilaksanakan ke atasnya oleh UEM pada Disember 2000.

Ketika itu, Dr Mahathir atas kapasiti sebagai Perdana Menteri dan Nor Mohamed pula sebagai Penasihat Ekonomi Khas kepada Perdana Menteri.

Halim berkata, pada masa material, Renong memegang 37.92 peratus saham UEM dan beliau memegang saham individu tunggal terbesar dan mengawal Renong.

Katanya, beliau berniat mem-

buat tawaran am ke atas UEM, sama ada melalui Renong atau bersama Renong untuk menswastakan UEM sebagai anak syarikat Renong yang akan membolehkan beliau memperoleh kawalan dan milikan penuh ke atas UEM melalui Renong.

Beliau diarahkan Dr Mahathir dan Nor Mohamed secara langsung supaya tidak meneruskan tawaran am kerana kerajaan ingin mengambil semua saham dalam UEM melalui Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) atau pihak yang akan dicalonkan oleh Khazanah.